

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
CAPAIAN :<https://www.bharat.com.my/amp/bisnes/lainlain/2023/03/1079551/kekangan-kewangan-data-menjukarkan-syarikat-kecil-bersaing>

Kekangan kewangan, data menyukarkan syarikat kecil bersaing



PETALING JAYA: Kekangan kewangan dan kemudahan data menyebabkan banyak syarikat kecil dan sederhana, termasuk pemula niaga dalam bidang teknologi tidak dapat meningkatkan kapasiti perniagaan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kekangan ini menyebabkan syarikat terbabit tidak boleh bersaing dengan syarikat besar, sekali gus mewujudkan satu sistem monopolii seperti yang berlaku ketika ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, syarikat teknologi memerlukan pelaburan yang besar terutamanya dalam pengiklanan dan data.

"Walaupun syarikat pemula niaga itu mempunyai produk yang baik, namun disebabkan kurangkan modal, mereka tidak dapat berkembang.

"Hanya syarikat besar dapat berkembang dan menguasai pasaran seperti yang berlaku ketika ini dipanggil sebagai monopolii," katanya selepas melancarkan UK Malaysia Digital Innovation Programme Day di sini, hari ini.

Rafizi berkata, kerajaan tidak boleh mencampuri urusan perniagaan syarikat teknologi termasuk pemberian modal kerja kerana ia bukanlah satu amalan yang baik.

Beliau berkata, langkah yang boleh diambil kerajaan ketika ini dalam membantu peningkatan syarikat pemula niaga teknologi dan menangani isu monopolii adalah menyediakan data granular.

Katanya, langkah ini menyediakan data granular kepada syarikat pemula niaga tanpa membebankan mereka dengan perbelanjaan kewangan yang besar.

"Itu akan meluaskan lagi jumlah syarikat pemula yang boleh membangun aplikasi mereka dari satu peringkat ke satu peringkat tanpa bergantung kepada suntikan dana yang besar dalam memperoleh data.

"Ini adalah berbeza daripada model sebelum ini apabila kerajaan tidak berkongsi data dengan masyarakat.

"Isu monopolii juga sebahagian besar berkait dengan keupayaan kewangan," katanya.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, Kementerian Ekonomi juga akan memperkenalkan satu siri program Hackathon Kebangsaan yang akan membantu peningkatan inovasi di Malaysia.

Beliau berkata, program pertama kali diperkenalkan itu akan meningkatkan inovasi dan teknologi di Malaysia dengan menyasarkan semua golongan.

Katanya, kementerian juga memulakan satu langkah penting dalam dasar asas teknologi iaitu memperkenalkan platform data terbuka.

"Kerajaan termasuk kementerian dan agensi akan mengumpulkan sumber data mereka ke platform pusat yang boleh membolehkan sesiapa sahaja memperoleh cerapan masa nyata daripada keadaan trafik, bilangan rumah di sesuatu kawasan, sisihan suhu dan hujan, volum perdagangan antarabangsa dan sebagainya," katanya.

Rafizi berkata, data berkenaan akan menjadi pemudah cara yang boleh digunakan untuk pengekod, pembangun dan rakyat.

"Ini penting bagi negara seperti Malaysia, dengan populasi hanya 30 juta orang. Apa yang kami harap dapat dilihat ialah sektor awam dan swasta menerima pakai minda dipacu data dalam penyelesaian masalah dan inovasi.

"Pemaju dan pemula boleh menggunakan repositori data pusat terbesar di Malaysia untuk

membina produk yang mempunyai potensi terbaik untuk skala dan berjaya," katanya.